

11 FEB 1998

Yaman-Tiba

PRESIDEN YAMAN DIBERI SAMBUTAN RASMI DI PARLIMEN

KUALA LUMPUR, 11 Feb (Bernama) -- Presiden Yaman Lt-Jen Ali Abdallah Saleh yang tiba hari ini untuk lawatan negara selama empat hari ke negara ini diberi sambutan rasmi di Dataran Parlimen.

Beliau disambut oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah.

Presiden itu kemudian memeriksa barisan kehormatan terdiri daripada 107 pegawai dan anggota dari Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD) diketuai oleh Mej Roomai Noor Mohamed.

Presiden Ali, yang mengambil alih jawatan sejak 22 Mei 1990 kemudian diperkenalkan kepada para menteri Kabinet dan orang kenamaan asing.

Terdahulu, ketibaan beliau di Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Abdul Aziz di Subang, dekat sini disambut Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman selaku Menteri Pengiring.

Yang turut serta dalam delegasi 69 anggota ialah Pengerusi Majlis Perundingan Yaman AbdulAziz AbdulGhani, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Luar Dr Abdulkarim al-Iryani, Menteri Perancangan dan Pengerusi Kawasan Zon Bebas Abdulkader Bajamal dan Menteri Industri dan Pengerusi Lembaga Pelaburan Umum, Ahmad Sofan.

Presiden Ali akan mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pejabat Perdana Menteri dan kemudian menyaksikan majlis menandatangani beberapa perjanjian dua hala.

Malam ini, Presiden Yaman itu akan diraikan oleh Tuanku Ja'afar pada majlis jamuan negara di Istana Negara di sini. -- BERNAMA

MHI FAZ